

**Kerajaan Selangor Sedia Dedahkan Kewangan Yayasan Selangor, UNISEL  
Bernama  
12 Februari , 2012**

SHAH ALAM, 12 Feb (Bernama) -- Kerajaan Selangor bersedia mendedahkan kepada umum kedudukan kewangan semasa Yayasan Selangor dan Universiti Selangor (UNISEL).

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata mengambil contoh Yayasan Selangor, institusi milik kerajaan negeri itu diaudit setiap tahun sejak pakatan pembangkang mengambil alih pentadbiran di Selangor.

"Ini bukan perkara yang aneh pada saya sebab kita akan audit (semua akaun syarikat dan agensi milik kerajaan negeri) setiap enam bulan dan sasaran saya selepas tiga bulan kita sudah mula audit.

"Disiplin ini dah dibuat oleh kerajaan negeri sejak mentadbir Selangor pada 2008. Jadi tidak timbul isu yang dibangkitkan oleh sesetengah pihak mengenai dakwaan ini sebab kita sedia tunjuk kepada umum," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang bagi Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SKJT) seluruh Selangor di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar semalam yang meminta kerajaan negeri ini mengumumkan kedudukan kewangan semasa Yayasan Selangor dan UNISEL kerana didakwa mengalami kerugian sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sementara itu, Abdul Khalid berkata kerajaan negeri dengan usahasama syarikat pemaju, Kuala Lumpur Kepong Berhad akan membina sebuah sekolah jenis Tamil yang dilengkapi asrama di kawasan seluas 0.12 hektar di Coalfields, Kuala Selangor.

Beliau yang enggan mendedahkan kos pembinaan sekolah itu berkata majlis pecah tanah akan diadakan pada Mei depan.

"Kita masih belum putus sama ada sekolah ini dijadikan sekolah rendah atau menengah. Asrama sekolah itu boleh digunakan untuk menempatkan pelajar di Selangor yang menetap jauh.

"Kita juga akan hantar pelan (sekolah) untuk dapat kelulusan Kementerian Pelajaran kerana pengendalian sekolah itu akan dibuat oleh kementerian itu," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645115>